

PRAKTIKUM DAN KERJA SOSIAL: KE ARAH PIAWAIAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN YANG BERKUALITI

Dr Abdul Razak Abd Manaf

Ahmad Shukri Abdul Hamid

PENGENALAN

Latihan praktikum merupakan komponen utama dalam mana-mana struktur program pendidikan kerja sosial. Selain mendapat pendedahan akademik dan teori melalui kuliah dan aktiviti di kampus, para pelajar yang menjurus dalam bidang kerja sosial dikehendaki menjalani program latihan penempatan di agensi perkhidmatan sosial sebagai sebahagian daripada proses pendedahan kepada unsur praktik dan amalan. Gabungan kedua-dua dimensi pembelajaran ini mampu memantapkan lagi pengetahuan para pelajar sebagai persediaan bagi menghadapi cabaran kerjaya profesion kemanusiaan ini.

Memandangkan kepentingan latihan amali tidak dapat dinafikan maka penilaian yang berterusan dianggap perlu dilakukan ke atas setiap komponen pembelajaran yang terkandung dalam struktur pendidikan mana-mana program kerja sosial. Latihan praktikum merupakan salah satu daripada komponen yang paling penting untuk dilakukan penilaian dari masa ke masa memandangkan kepentingannya sebagai suatu komponen pendedahan praktik yang utama yang perlu dilalui oleh para pelajar. Komponen ini juga memerlukan kerjasama yang erat antara pihak universiti dan agensi-agensinya luar. Justeru, aspek seperti keberkesanan, kelancaran serta manfaatnya perlulah dititikberatkan dan dimantapkan. Selain itu, aspek kesesuaiannya terhadap pelajar dan keperluan agensi harus juga diberikan penekanan.

Program latihan praktikum merupakan suatu aktiviti yang memerlukan penilaian yang berterusan. Pemantapan sesuatu program latihan banyak bergantung kepada maklum balas diterima serta analisis atau kajian yang terperinci yang dilakukan bagi mengenal pasti sebarang masalah atau kekangan yang timbul.

Pendidikan kerja lapangan (*field education*) mempunyai sejarah yang panjang dalam pendidikan kerja sosial (Rohrer & Smith, 1992) dan dianggap sebagai satu komponen penting dalam pendidikan kerja sosial (Frumkin, 1980; Kissman &

Van Tran, 1990; Cavanos, 1996). Nilai pendidikan kerja lapangan atau praktikum telah dikenal pasti semenjak pendidikan kerja sosial menjadi satu disiplin akademik yang formal pada awal-awal abad dua puluhan lagi (Raschick & Maypole, 1998). Pendidikan untuk pekerja sosial bermula daripada penajaan pihak agensi untuk menjalani latihan kerja lapangan atau praktikum. Pihak yang mengendalikan program kerja sosial kemudiannya telah mengguna pakai idea ini walaupun mereka tidak memulakan proses tersebut (Rohrer & Smith, 1992).

Sehingga kini telah banyak kajian dijalankan bagi meneliti pelbagai elemen latihan amali seperti tahap kepuasan pelajar dengan praktikum (Fortune et al., 1985; Raskin, 1989), penyeliaan yang berkesan (Akin & Weil, 1981; Curiel & Rosenthal, 1987; Matorin, 1979; Rotholz & Werk, 1984), isu-isu praktikum (Cowan & Wickham, 1982; Gordon, 1982; Kimberley & Watt, 1982; Skolnik, 1989), peranan penyeliaan (Abramson & Fortune, 1990; Gitterman, 1989), pemilihan objektif pembelajaran dan tugas (Wodarski, Feit & Green, 1995; Fortune et al., 1985), aspek maklum balas praktikum oleh penyelia agensi (Freeman, 1985), pelaksanaan penilaian yang bersepadu dan adil (Brennen, 1982), keseimbangan kebebasan dan kebergantungan pelajar (Kerson, 1994), kebimbangan penyelia dan pelajar (Wilson, 1981), perkaitan kuliah dan pengetahuan kerja lapangan (Bogo & Vayda, 1987) dan lain-lain lagi.

KEPENTINGAN LATIHAN PRAKTIKUM

Praktikum merupakan komponen yang penting dalam pendidikan dan latihan kerana ia membenarkan pelajar memindahkan pembelajaran secara teori semasa kuliah kepada kepakaran profesional. Dengan erti kata lain, ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengintegrasikan teori dan amalan (Kissman & Van Tran, 1990; Cavanos, 1996). Oleh itu, ia telah dianggap sebagai satu elemen yang lebih daripada pengalaman intelektual dan pemerhatian kepada pelajar, ia sekaligus bertindak sebagai satu mekanisme dalam menggerakkan pelajar ke arah amalan kerja sosial. Selain daripada menganggapnya sebagai satu forum untuk mengintegrasikan teori kuliah, pengalaman hidup dan keinginan untuk perkembangan diri, ia juga dijadikan sebagai batu loncatan ke arah amalan profesionalisme. Ringkasnya, pendidikan praktikum mengandungi penggabungan hubungan antara pengamal dalam komuniti, pendidik kerja sosial, pelajar dan juga klien.

PERANAN PENYELIAAN DALAM LATIHAN PRAKTIKUM

Penyelia agensi telah dianggap sebagai penilai semula jadi yang paling sesuai disebabkan ia mempunyai hubungan dengan pelajar pada kebanyakan masa ketika

praktikum dan ia juga mengetahui piawaian prestasi kerja yang terkini dan yang diterima pakai (Grady, 1988; Toohey & Ryan, 1996). Brashears (1992), mendefinisikan penyeliaan sebagai satu proses seorang pengamal kerja sosial membolehkan dan membenarkan seorang pengamal kerja sosial yang lain untuk menjalankan amalannya setakat kemampuannya yang terbaik.

Fungsi penyeliaan secara tradisinya berbentuk pentadbiran, pendidikan dan sokongan (Brashears, 1992). Brashears (1992) juga berpendapat bahawa penyeliaan adalah proses pendidikan terhadap seseorang individu yang mempunyai peralatan pengetahuan tertentu mengambil tanggungjawab untuk melatih seseorang yang kurang mempunyai peralatan pendidikan. Dalam pada itu, peranan penyelia agensi merangkumi fungsi-fungsi seperti mendorong (*enabling*), menyokong (*supporting*), mengajar (*teaching*) dan menilai (*assessing*) (Noor Azizah & Yusmarhaini, 2000). Dengan erti kata lain, penyelia telah dikenal pasti sebagai seorang guru, 'enabler', perunding cara dan pengurus (Christian & Hannah, 1983; Crow & Odewahn, 1987; Magee & Pierce, 1986; Brashears, 1992).

Mengapakah peranan penyelia amat dititikberatkan semasa latihan praktikum? Jawapannya ialah pendidikan dalam kerja sosial melibatkan pengajian kuliah dan juga latihan amali. Pembelajaran latihan amali sebahagiannya bergantung kepada pengamal yang berpengalaman yang menyediakan peluang amalan secara penyeliaan kepada pelajar bagi mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan kehendak identiti profesional amalan kerja sosial. Pekerja sosial yang bertindak sebagai penyelia memberi sumbangan yang amat penting ke arah persediaan pengamal kerja sosial yang profesional di samping mempunyai pengaruh yang amat tinggi dalam pembentukan pelajar yang profesional. Oleh yang demikian, Rogers dan Mc Donald (1992) telah mencadangkan agar pengamal mempelajari tentang kaedah penyeliaan yang berkesan dan memahami konsep yang berkaitan, tema dan pendekatan mendidik pelatih ke arah profesion multi-dimensi.

Dalam buku yang ditulis oleh Rohrer & Smith (1992), beliau telah menggariskan sebelas peranan yang dijangkakan daripada penyelia agensi. Peranan tersebut termasuklah:

- (i) Menyatakan keinginan untuk menjadi penyelia dan memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan oleh sekolah atau organisasi;
- (ii) Mengambil kursus atau latihan yang ditawarkan oleh sekolah atau agensi untuk persediaan menjalankan tanggungjawab penyelia;
- (iii) Menghadiri seminar yang dianjurkan oleh sekolah untuk penyelia bagi memberi maklumat berkaitan perkembangan terkini program sekolah;
- (iv) Menjalankan temu duga prapenempatan kepada pelajar;

- (v) Menasihati sekolah sama ada penyelia atau agensi akan mengambil pelajar yang terlibat;
- (vi) Membentuk perancangan pendidikan dengan pelajar, menyediakan penyeliaan harian, menilai prestasi pelajar dalam latihan amali;
- (vii) Mencadangkan atau memberi gred penempatan praktikum;
- (viii) Memberitahu fakulti tentang perkembangan pelajar dan apa jua masalah berkaitan pelajar;
- (ix) Terlibat dalam perjumpaan dengan ahli fakulti, staf sekolah atau dengan pelajar secara rutin ataupun apabila wujud masalah dan apabila diminta mengadakan perjumpaan bersama;
- (x) Menyediakan maklum balas kepada ahli fakulti berhubung cadangan membaiki keseluruhan program praktikum, persediaan pembelajaran sebelum latihan amali dan isu berkaitan yang merangkumi keperluan pelajar; dan
- (xi) Turut serta dalam jawatankuasa sekolah bersama ahli fakulti dan pelajar untuk membentuk atau memeriksa dasar seperti dasar kemasukan perancangan kurikulum, arahan praktikum dan perkara lain.

Walaupun menyedari hakikat bahawa penyeliaan adalah penting, namun dengan bilangan staf agensi yang berkelayakan untuk menyelia terhad serta kurangnya masa untuk mengawasi pelajar, banyak pengamal dan pengarah praktikum melihat kualiti pengajaran praktikum semakin merosot. Kualiti pendidikan kerja sosial sebahagian besarnya banyak bergantung kepada kualiti pendidikan praktikum (Jarman & McFall, 1997). Menurut kajian yang dijalankan oleh (Rohrer & Smith, 1992), faktor kekurangan imbuhan, pengiktirafan dan insentif dalam penyeliaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ketidakmampuan pihak berkenaan untuk menarik minat dan mengekalkan penyelia agensi yang berkualiti.

PERMASALAHAN DAN ISU LATIHAN PRAKTIKUM

Walaupun secara idealnya, praktikum mampu menawarkan kepada pelajar peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan, menguji teori dan akhirnya mengubahsuaikan kefahaman mereka, namun ia tidak dapat lari daripada pelbagai masalah. Menurut Pitts & Miller (1990), kebanyakan masalah yang dihadapi semasa sesi praktikum bukanlah disebabkan oleh satu faktor penyebab sahaja. Sumber masalah boleh difahami dalam satu 'continuum', yakni daripada masalah yang dijana oleh pelajar itu sendiri kepada masalah yang disebabkan oleh sistem yang ada dengan kebanyakan masalah terhasil daripada percampuran atau kombinasi kedua-dua

elemen tersebut. Permasalahan yang dijanakan oleh sistem bertindak sebagai penunjuk kepada kekurangan atau kekangan yang wujud dalam sistem tersebut di mana perubahan ke arah memantapkannya perlu dilakukan.

Kajian yang dilakukan oleh *Council on Social Work Education* (CSWE) pada tahun 1984 pula mendedahkan tentang kurangnya kriteria yang konsisten terhadap latihan kerja lapangan dan ini merupakan isu yang signifikan kepada sekolah kerja sosial (Dore & Epstein 1992). Komponen kerja lapangan dalam kurikulum telah direka bentuk untuk memberi peluang kepada pelajar berperanan sebagai pekerja sosial dan seterusnya juga menangani segala halangan ke arah perkembangan profesionalisme.

Selain itu, kajian juga banyak dijalankan bagi melihat ruang lingkup praktikum. Misalnya, kajian Reid dan Bailey-Dempsey (1996) telah meneliti pemeringkatan penyelia terhadap prestasi pelajar dan membandingkannya dengan penilaian yang dibuat oleh juri bebas berasaskan kepada '*content analysis*' rekod prestasi pelajar. Manakala (Bogo & Taylor, 1990) mendapati perbincangan tentang tema kuasa (*authority*) merupakan satu '*taboo*' semasa penyeliaan kerana ianya boleh menjadi penghalang kepada proses pembelajaran.

Selain melihat masalah dari segi struktur dan komponen latihan praktikum, permasalahan tentang pelajar kurang upaya juga turut dikaji. Reeser (1992), mendapati golongan kurang upaya mempunyai maklumat tentang keperluan yang mereka kehendaki ketika menjalani latihan praktikum dan ini boleh membantu pihak yang terbabit dalam memudahkan penempatan mereka. Persoalan yang timbul ialah apakah yang telah dilakukan pihak sekolah dan agensi bagi menyediakan dan memudahkan pelajar kurang upaya ini dalam menjalani latihan praktikum serta apa yang boleh dilakukan oleh pelajar ini kepada diri mereka sendiri? Kewujudan pelbagai bentuk kurang upaya daripada segelintir pelajar di kalangan program kerja sosial (Alperin, 1988). Ia memerlukan satu usaha mengadakan dialog antara fakulti dan pelajar yang kurang upaya berkaitan praktikum kerana wujud perbezaan dalam beberapa perkara terutamanya dari segi pembentukan dasar (Reeser, 1992).

Ringkasnya, keberkesanan program praktikum banyak dipengaruhi oleh tindakan memenuhi keperluan dan tuntutan pelajar. Kemajuan yang diperoleh menerusi praktikum adalah satu proses pembelajaran bertujuan memenuhi keperluan sendiri berdasarkan struktur sedia ada di mana ia membenarkan pelajar berkembang secara progresif dalam sesuatu sistem.

Sementara itu, menurut Dore dan Epstein (1992), komponen kurikulum berkaitan latihan amali mestilah dilihat sebagai memberi peluang kepada pelajar untuk

mendapat pengalaman dalam menjalankan peranan sebagai pekerja sosial dan juga mencabar kekangan diri ke arah perkembangan profesional. Cavanos (1996), pula menyifatkan latihan amali sebagai makmal untuk pelajar mengamal dan membuat uji kaji berkaitan konsep, kaedah dan teknik yang dipelajari di bilik kuliah.

Isu ini mungkin timbul disebabkan oleh kebanyakan agensi tidak mempunyai pekerja sosial yang terlatih dan ini telah sedikit-sebanyak menjejaskan pembelajaran pelajar semasa di lapangan. Memandangkan penyeliaan penting dalam membentuk pelajar menjadi pekerja sosial yang lebih profesional dan efektif serta dapat membantu pelajar mengaplikasikan teori semasa menjalankan intervensi dengan individu, keluarga, kumpulan dan komuniti, maka penyeliaan seharusnya dikendalikan oleh mereka yang telah dilatih dalam bidang kerja sosial. Penyelia pelawat dan penyelia agensi juga seharusnya berkongsi tanggungjawab dalam membimbing dan melindungi pelajar dan klien sepanjang latihan praktikum dijalankan. Peraturan, peranan dan tugas yang jelas perlu diwujudkan bagi mengelakkan sebarang permasalahan daripada berlaku. Pendek kata, seperti yang dinyatakan oleh Mishne (1983, dalam Bogo & Taylor, 1990), penyelia boleh membantu pelajar dalam memikir kembali pengalaman yang dilalui, serta menyediakan suasana sokongan dan penyeliaan empati.

Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya pihak program dapat menetapkan piawaian dan kriteria penyelia yang sesuai. Seterusnya, dapat mengenal pasti kelayakan yang diperlukan untuk penyeliaan dan kelayakan yang dipilih mestilah bersesuaian dengan matlamat program seperti pendidikan profesional individu, kecekapan dalam amalan dan minat dalam menggalakkan pembelajaran pelajar.

Tidak dapat dinafikan kepentingan peranan penyelia dalam mempengaruhi, mendidik dan membentuk perkembangan pekerja sosial sudah dibuktikan dalam banyak dokumentasi (Green, 1972, Strom, 1991). Walau bagaimanapun, hanya sedikit sahaja perhatian tertumpu kepada peringkat pendidikan penyelia yang diperlukan untuk penyeliaan yang berkesan (Strom, 1991). Manoleas dan Carrillo (1991) pula menegaskan, penyelia mempunyai tanggungjawab menyediakan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan serta berstruktur untuk pelajar boleh meneroka isu peribadi dan perasaan sekaligus membuahkan perkembangan peribadi dan profesional. Pendidik kerja sosial memperakui bahawa perhubungan antara pelajar dan penyelia adalah elemen utama kepada pembelajaran dan perkembangan peribadi pelajar (Kissman & Van Tran, 1990; Cavanos, 1996).

Perdebatan juga telah banyak berlaku tentang jangka masa penyeliaan dan berapa banyak penyeliaan yang diperlukan dalam kajian-kajian yang lepas walaupun banyak yang memperakui tentang kepentingannya (Brashears, 1992). Lantaran

itu, adalah wajar seandainya jangka masa dan tempoh latihan praktikum dibahaskan dengan lebih mendalam serta memenuhi kehendak piawaian Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan juga mengambil kira piawaian yang telah diterima pakai di peringkat antarabangsa seperti CSWE.

Ini selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh CSWE. Menurut CSWE (2001), sesuatu program adalah bertanggungjawab dalam menyediakan bentuk latihan praktikum yang jelas kepada semua pelajar. Ini termasuklah piawaian dalam pemilihan agensi, pemilihan penyelia agensi yang diperakukan mempunyai ijazah sarjana muda atau sarjana dalam kerja sosial, dan penilaian pembelajaran pelajar dalam praktikum. Program seharusnya menjalankan tanggungjawab dalam hal pentadbiran yang berkaitan dengan praktikum dan memastikan kerjasama serta penyelarasan antara program dan agensi yang terlibat.

Menyedari akan pentingnya latihan amali kepada pelajar kerja sosial (Bogo & Taylor, 1990) telah tiba masanya untuk pendidik melihat kembali dan menilai isi kandungan kursus yang berkaitan dengan kurikulum praktikum yang banyak dibincangkan dalam ulasan karya. Banyak percubaan telah dilakukan untuk mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran yang seharusnya dipelajari semasa praktikum. Malah ia terus menjadi perdebatan antara program kerja sosial di serata dunia.

Menurut *Evaluation Standards and Curriculum Policy Guides of Council of Social Work Education* (CSWE) (2001), setiap program pendidikan mestilah menyediakan suasana latihan praktikum berpiawai yang menjelaskan perkhidmatan kerja sosial dan amalannya, aktiviti dan tugas penyelia serta tanggapan pembelajaran dan tanggungjawab pelajar. Program boleh mengadakan amalan mereka dalam pelbagai cara tetapi mestilah memastikan ianya terurus, diselaras dan dipantau dan mendatangkan pengalaman kepada para pelajarnya. Kesemua program mestilah menyediakan:

1. Tempat latihan yang berasaskan kepada objektif pendidikan program dan keperluan pembelajaran pelajarnya.
2. Peluang pembelajaran yang berstruktur yang membenarkan pelajarnya membandingkan pengalaman amalan, integrasi pengetahuan yang diperolehi di bilik kuliah dan meluaskan pengetahuan melangkaui skop persekitaran tempat praktikum.
3. Sokongan kepada penyelia lapangan dengan:
 - (i) Menyediakan maklumat yang berkaitan tentang pelajar yang menjalani praktikum;

- (ii) Menyediakan maklumat berhubung organisasi dan kandungan kurikulum, memberi penekanan kepada saling kaitan antara tingkah laku manusia, polisi sosial, penyelidikan dan kandungan amalan;
- (iii) Menyediakan maklumat tentang turutan dan peringkat kandungan kursus;
- (iv) Menjelaskan matlamat amalan dan penilaian praktikum dan juga kepada pelajar; dan
- (v) Menawarkan program orientasi dan latihan.

Ini sewajarnya dipandang serius bagi membantu pelajar memanfaatkan latihan amali dengan semaksimum mungkin. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya jangkakan dan tanggapan yang silap berhubung kemampuan dan keupayaan pelajar untuk melaksanakan sesuatu tugas yang diberi. Ini mungkin boleh digerakkan dengan mengadakan perkongsian pintar bersama organisasi yang berkaitan. Program mesti mengadakan dan mengekalkan hubungan yang rapat dan berterusan dengan komuniti amalan kerja sosial sebagai sebahagian daripada proses penilaian kurikulum. Program hendaklah memula dan mengekalkan pertukaran perancangan berjadual dengan program kerja sosial lain, agensi praktikum dan juga pengamal kerja sosial berkenaan dengan matlamat pendidikan, kurikulum, prestasi pelajar dan perkembangan tempat latihan amali yang mempengaruhi pembelajaran pelajar. Program juga seharusnya secara sistematik menyediakan ruang penglibatan penyelia agensi dan pengamal yang lain dalam penaksiran kurikulum yang membawa kepada rombakan kurikulum dan perkembangannya (CSWE, 2001). Gabungan kursus yang berkenaan dan bentuk latihan praktikum yang jelas adalah penting untuk pembelajaran lestari para pelajar.

Ini juga seiringan dengan kehendak CSWE yang menekankan bahawa praktikum peringkat ijazah sarjana muda mesti menyediakan beberapa peluang kepada pelajar untuk:

- (i) Perkembangan dan kesedaran diri dalam proses intervensi;
- (ii) Pengalaman amalan yang diselia dalam aplikasi ilmu pengetahuan, nilai dan etika, kemahiran amalan untuk memperkukuh kesejahteraan individu dan juga berusaha mengurangkan keadaan persekitaran yang negatif yang mempengaruhi individu;
- (iii) Menggunakan komunikasi lisan dan bukan lisan secara profesional yang konsisten dengan bahasa yang diguna pakai di tempat praktikum serta bahasa profesional;

- (iv) Menggunakan penyeliaan profesional bagi memantapkan pembelajaran; dan
- (v) Melakukan penaksiran kritikal, pelaksanaan dan penilaian dasar agensi dengan bertunjangkan garis panduan etika.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapat dibuat kesimpulan bahawa pihak Pendidikan Kerja Sosial di Malaysia perlu sentiasa meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam komponen latihan praktikum yang dilaksanakan agar ia boleh menjadi satu medan pembelajaran dan pengajaran yang unik serta boleh dimanfaatkan oleh semua pihak yang terbabit secara khusus dan juga komuniti kerja sosial secara amnya. Pendekatan, latihan praktikum ialah satu komponen pendidikan kerja sosial yang utama. Ia mestilah juga cuba memenuhi keperluan pelajar dalam aspek latihan dan secara tidak langsung mencadangkan struktur pelaksanaan yang lebih menyeluruh untuk diambil perhatian oleh pihak Pendidikan Kerja Sosial khususnya dan universiti secara amnya. Komponen latihan praktikum juga secara tidak langsung perlulah meneliti aspek pemilihan dan kesesuaian tempat praktikum, struktur dan tempoh masa praktikum, pengelasan tugas dan latihan, penyeliaan agensi, penyeliaan pensyarah pelawat dan aspek pendedahan yang lain ke arah pemantapan dan pengukuhan pelaksanaan latihan praktikum yang terbaik. Perbincangan dan perbahasan secara ringkas ini juga diharapkan dapat membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang berkenaan dalam merangka struktur pelaksanaan latihan praktikum yang lebih dinamik, berdaya saing dan berkualiti sejajar dengan hasrat menjadikan latihan praktikum sebagai satu amalan profesional.

BIBLIOGRAFI

- Alperin, D. E. (1998). Factors related to student satisfaction with child welfare field placement. *Journal of Social Work Education, 34* (1), 43-54.
- Bogo, M., & Taylor, I. (1990). A practicum curriculum in a health specialization: A framework for hospitals. *Journal of Social Work Education, 26* (1), 76-86.
- Brashears, F. (1995). Supervision as social work practice: A reconceptualization. *Social Work, 40* (5), 692-699.
- Cameron, J. M., & O'Hara, P. (1999). Student perceptions of the way that they are supervised during work experience: An instrument and some findings. *Assessment & Evaluation in Higher Education, 24* (1), 91-103.
- Council on Social Work Education. (2001). *Education policy and accreditation standards*. USA: CSWE, Inc.
- Cavanos, A. (1996). Measuring BSW student learning in field instruction. *Journal of Social Work Education, 32* (3), p389-399.
- Cheetham, J. (1997). Evaluating social work: Progress and prospects. *Research on Social Work Practice, 7* (3), 291-310.
- Constable, J.F. (1998). The health administration internship: A partnership for progress in health administration education. *Hospital Topics, 76* (1), 25-28.
- Dore, M. M., & Epstein, B. N. (1992). Evaluating students' micro practice field performance: Do universal learning objectives exist? *Journal of Social Work Education, 28* (3), 353-362.
- Ismail, Baba. (1999). Kepentingan penyeliaan sebagai peningkatan kualiti dalam program pendidikan kerja sosial. Dalam Mahmood Nazar Mohamed, Nadiyah Elias & Azmi Shaari (Penyelenggara). *Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial*. Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Jarman-Rohde, L., & McFall, J.A. (1997). The changing context of social work practice: Implications and recommendations for social work. *Journal of Social Work Education, 33* (1), 29-46.

- Manoleas, P., & Carrillo, E. (1991). A culturally syntonc approach to the field education of Latino students. *Journal of Social Work Education*, 27 (2), 135-144.
- Moore, L.S., & Urwin, C. A. (1991). Gatekeeping: A model for screening baccalaureate students for field education. *Journal of Social Work Education*, 27 (1), 8-17.
- Noor Azizah, Ahmad & Yusmarhaini, Yusof. (Penyusun). (2000). *Risalah panduan praktikum program pengurusan kerja sosial*. Sekolah Pembangunan Sosial Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Pitts, J.H. (1992). PIPS: A problem-solving model for practicum and internship. *Counselor Education & Supervision*, 32 (2), 142-151.
- Pitts, J.H., & Miller, M. (1990). Coordination of clinical supervision in practicum and internship programs. *Counselor Education & Supervision*, 29 (4), 291-299.
- Raschick, M. (1998). Improving field education through Kolb learning theory. *Journal of Social Work Education*, 34 (1), 31-42.
- Reid, W. J., & Bailey, D. C. (1996). Evaluating student field education: An empirical study. *Journal of Social Work Education*, 32 (1), 45-52.
- Reeser, L.C. (1992). Students with disabilities in practicum: What is reasonable accommodation? *Journal of Social Work Education*, 28 (1), 98-109.
- Rogers, G., & McDonald, L. (1992). Thinking critically: An approach to field instructor training. *Journal of Social Work Education*, 28 (2), 166-177.
- Rohrer, G.E., & Smith, W.C. (1992). Field instructor benefits in education: A national survey. *Journal of Social Work Education*, 28 (3), 363-369.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. New York: John Wiley and Sons.
- Sinicrope, R. F., & Cournoyer, D.E. (1990). Validity of student ratings of field instruction. *Journal of Social Work Education*, 26 (3), 266-372.
- Skolink, L., & Papell, C. P. (1994). Holistic designs for field instruction in the contemporary social work curriculum. *Journal of Social Work Education*, 30 (1), 90-96.

- Strom, K. (1991). Should field instructors be social workers? *Journal of Social Work Education*, 27 (2), 187-195.
- Toohey, S., & Ryan, G. (1996). Assessing the practicum. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 21 (3), 215-227.
- Zakutansky, T.J., & Sirles, E.A. (1993). Ethical and legal issues in field education: Shared responsibility and risk. *Journal of Social Work Education*, 29 (3), 338-347.